**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**
**FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI**

# PROJEK ANIMASI PENDEK *WHERE'S MY CAR?*: REPRESENTASI SINESTESIA DI DALAM ANIMASI

**SABARIYAH BINTI MOHD YUSOFF**
**2012878492**

**SARJANA MUDA**
**TEKNOLOGI KREATIF (KEPUJIAN)**
**ANIMASI DAN TEKNOLOGI SKRIN**

**SEPTEMBER 2015**

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# PROJEK ANIMASI PENDEK *WHERE'S MY CAR?*: REPRESENTASI SINESTESIA DI DALAM ANIMASI

**SABARIYAH BINTI MOHD YUSOFF**

Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat memperolehi ijazah
**Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Kepujian)**
**Animasi dan Teknologi Skrin**

**Fakulti Filem, Teater dan Animasi**

September 2015

**FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI**
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**
**KAMPUS PUNCAK PERDANA**
**SHAH ALAM SELANGOR**

**SESI:** SEPTEMBER 2015 – JANUARI 2016

**DENGAN INI MENGESAHKAN**

SABARIYAH BINTI MOHD YUSOFF

2012878492

**TELAH MEMENUHI SEGALA SYARAT PENULISAN LATIHAN ILMIAH YANG TELAH DITETAPKAN OLEH JAWATANKUASA AKADEMIK FAKULTI.**

**TARIKH:**

**……………………………..**

**PENYELIA**

ENCIK MUHAMAD AZHAR BIN ABDULLAH

**……………………………...**

**DEKAN**

DATO’ PROFESOR A. RAZAK HJ. MOHAIDEEN

**………………………………**

# PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali pendapat-pendapat dan karya-karya pihak lain yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Kajian ilmiah ini juga belum pernah dihantar ke mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk sebarang ijazah atau kelulusan.

| | | |
|---|---|---|
| Nama Pelajar | : | Sabariyah binti Mohd Yusoff |
| No ID Pelajar | : | 2012878492 |
| Program | : | Animasi (CT227) |
| Fakulti | : | Filem, Teater dan Animation |
| Tajuk Kajian / Projek | : | Projek Animasi Pendek *Where's my Car?*: Representasi Sinestesia Di Dalam Animasi |

| | | |
|---|---|---|
| Tandatangan Pelajar | : | ………………………………………………….. |
| Tarikh | : | Januari 2016 |

# ABSTRAK

Sinestesia merupakan keadaan neurologi yang berkaitan dengan deria manusia di mana stimulasi terhadap deria yang dirasai bertindan sekaligus menghasilkan tafsiran tambahan terhadap deria yang diterima. Namun yang demikian, menerusi pemerhatian didapati bahawa penerapan representasi sinestesia jarang digunakan di dalam filem mahupun karya animasi terutamanya di Malaysia. Bagi mengkaji serta mengumpul data mengenai kepentingan serta kriteria representasi sinestesia di dalam animasi, kajian berbentuk kualitatif iaitu melalui kaedah bacaan serta perbandingan antara tiga teks animasi dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lima kriteria yang perlu dijaga dan dikekalkan dalam menghasilkan representasi sinestesia di dalam sesebuah animasi iaitu: mempunyai unsur pertindihan pancaindera; bersifat individual; mempunyai elemen keharmonian; tafsiran representasi sinestesia yang konsisten; dan, representasi visual sinestesia digambarkan terapung. Projek animasi pendek *Where's my Car?* dihasilkan berdasarkan dapatan kajian yang telah ditemui.

**Kata kunci:** Sinestesia, Neurologi, Deria, Animasi